

**Malaysia Bayangkan Peningkatan Penglibatan Masyarakat Dalam Asean - Najib
Bernama
8 Apr, 2014**

KUALA LUMPUR, 8 April (Bernama) -- Malaysia, yang bakal mempengerusikan Asean pada 2015, akan berusaha bagi memastikan pengwujudan 'Asean berteraskan rakyat' pada 2015 yang menyaksikan lebih banyak penglibatan langsung semua sektor masyarakat dalam kegiatan Asean, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata tema yang dipilih akan menjadi instrumen lebih tajam untuk merealisasikan impian rakyat bagi tadbir urus yang lebih efektif dan responsif; standard kehidupan yang lebih baik; pengukuhan perlindungan alam sekitar; memperkasa wanita dan peluang lebih besar bagi semua.

"Asean tidak akan lagi menjadi medan kumpulan elit dan pakar semata-mata. Sebuah komuniti Asean yang berteraskan rakyat akan benar-benar menjadikan 'Sebuah Asean Untuk Semua,'" katanya dalam ucapan tama di Kolokium Kebangsaan mengenai Kepengerusian Asean 2015 di sini hari ini.

Najib mengakui bahawa desakan bagi pendemokrasian dan tadbir urus lebih efektif bukan semata-mata dorongan untuk mencapai matlamat, kerana ia juga melibatkan kepentingan politik dan ekonomi.

Beliau berkata penglibatan semua sektor masyarakat dalam penggubalan dan pelaksanaan perjanjian Asean akan lebih mencerminkan tentang keperluan mereka.

"Saya percaya hanya dengan peningkatan penglibatan langsung rakyat Asean yang akan benar-benar meningkatkan integrasi serantau.

"Kita mahu membina sebuah Asean yang mencerminkan impian rakyat sendiri, yang selesa dengan dirinya, dan bersedia untuk menyumbang secara positif terhadap hal ehwal global," kata perdana menteri.

Untuk membolehkan berbuat demikian, Najib berkata institusi Asean, termasuk Sekretariat Asean haruslah dibiayai dan mendapat sumber sewajarnya,

Buat masa ini, katanya, setiap negara anggota menyumbang US\$1.7 juta bagi pengurusan sekretariat itu.

Bagaimanapun memandangkan sumbangan kewangan adalah sensitif, Najib mencadangkan daripada semua negara anggota menyumbang jumlah yang sama, mereka sepatutnya bersetuju terhadap kadar sumbangan minimum bersama.

Negara-negara yang secara sukarela mahu menyumbang lebih, akan digalakkan berbuat demikian, katanya, sambil menambah bahawa untuk memudahkan pengiraan dana, negara-negara berkenaan juga digalakkan untuk membuat sumbangan tambahan dalam jangka tempoh yang ditetapkan seperti tiga dan lima tahun, berbanding memberi sumbangan secara tahunan.

"Pembiayaan dan penyumberan Asean akan menjadi satu daripada bidang fokus utama Malaysia. Malaysia akan terus berusaha dengan negara anggota lain tentang isu penting ini," katanya sambil menambah bahawa pewujudan institusi Asean yang kukuh, mantap dan efisien akan juga menjadi keutamaan Malaysia.

Perdana menteri juga menggariskan empat cabaran yang Asean mungkin hadapi selepas tempoh 2015.

Satu daripada cabaran, katanya, ialah untuk menangani dan menyelesaikan ketegangan antara 'Cara Asean' dan pendekatan berasaskan peraturan.

'Cara Asean' menekankan kepada hubungan peribadi dan perjanjian di belakang tabir sementara pendekatan berasaskan peraturan ialah mengenai aplikasi objektif peraturan, norma dan mekanisme penyelesaian pertikaian, katanya.

Cabaran kedua ialah untuk menyuarakan matlamat Asean dalam terma yang lebih konkrit dan boleh dilaksanakan, dan ia hendaklah spesifik, boleh dikirakan dan dicapai, relevan dan mengikut tempoh waktu, katanya.

Najib juga mencadangkan bahawa tiga tonggak komuniti Asean iaitu kerjasama politik dan keselamatan, integrasi ekonomi dan kerjasama sosiobudaya boleh diperluas untuk memasukkan satu lagi tonggak iaitu bagaimana untuk menangani isu alam sekitar dan tadbir urus,

"Hanya selepas itu, pada pandangan saya, kita boleh mempunyai fokus untuk berbincang mengenai isu kritikal seperti perubahan iklim dan masalah jerebu," katanya.

Najib berkata cabaran lain ialah untuk menjadikan pencapaian dan kepentingan Asean lebih dikenali dan disedari serta memperluas lagi skop liputan ketika ia semakin maju dan lebih matang.

Kolokium tiga hari itu adalah anjuran bersama Kementerian Luar, Institut Diplomasi dan Hubungan Luar, Universiti Teknologi Mara dan Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa.

Kira-kira 200 orang, antaranya ahli akademik, penyelidik dan diplomat, menghadiri kolokium itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1028790>